



## **Kaligrafi Islam di Masjid Ikon Negara Brunei Darussalam: Peranannya Dalam Penyebaran Syiar Islam**

Dr Haji Mohd Shahrol Azmi bin Haji Abd Muluk.  
Pensyarah, Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath,  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

### **Pembentangan Kertas Kerja Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024**

#### **ABSTRAK**

Penyelidikan ini tertempu kepada Kaligrafi Islam yang terdapat di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiaah yang merupakan waqaf peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiaah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Masjid terbesar di negara ini dan mempunyai ciri-ciri keunikannya yang tersendiri menjadikan ianya salah sebuah Masjid Ikon bagi Negara Brunei Darussalam. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, masjid ini mempunyai lebih kurang 10 ciri keunikannya yang tersendiri. Mengenai peranannya dalam penyebaran syiar Islam, berdasarkan analisis yang dibuat, penyelidik mendapat terdapat lebih kurang 16 potong ayat al Quran telah ditulis menggunakan kaligrafi Islam dengan Khat Thuluth. Tiga potongan ayat yang berbeza diletakkan pada tiga kubah besar masjid dan 13 potong ayat al Quran lainnya dijadikan sebagai perhiasan dinding masjid. Ayat-ayat yang dipilih juga merupakan ayat-ayat al Quran yang berfokuskan kepada penjelasan berkaitan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah, kepentingan menjaga solat dan perintah berbuat kebajikan.

Kata Kunci: Kaligrafi Islam, Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiaah, Khat Thuluth

## **Pengenalan**

Kaligrafi Islam merupakan salah satu seni yang sangat dihargai dalam tamadun Islam. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, tetapi juga membawa makna spiritual yang mendalam. Menurut Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam pembentangan seminar yang bertajuk: “Memartabatkan Seni Bina Melayu Islam Beraja” menjelaskan bahawa kesenian atau seni bina Islam itu perlu melahirkan atau membawa mesej keagungan Maha Pencipta, dalam makna bukan sahaja melihat keindahan bangunan, tetapi juga kerana keindahannya itu menggerakkan jiwa untuk mengaguminya dan sekaligus mengagumi kehebatan Maha Pencipta iaitu Allah Subhanahu Wa Taala. Jelasnya menurut Yang Berhormat Pehin lagi, melihat masjid indah menyerlah, kita pun akan teringat kepada Islam dan teringat kepada Allah Yang Maha Hebat.

Jelasnya masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam, bukan sahaja sebagai pusat ibadah dan komuniti setempat malah ianya juga dijadikan sebagai pengembangan serta penyebaran syiar Islam. Apa yang menarik perhatian ialah seni bina masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam sering dihiasi dengan keindahan seni kaligrafi Islam yang mempunyai maksudnya yang tersendiri terutama pada masjid yang dikategorikan sebagai masjid ikon iaitu masjid yang secara langsung sering dikaitkan dengan Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji seni kaligrafi Islam yang terdapat di masjid ikon bagi Brunei Darussalam.

## **Latar Belakang Kajian**

Dari sudut etimologi, Kaligrafi Islam atau lebih dikenali sebagai Seni Khat Islam adalah berasal daripada bahasa Yunani iaitu kaligraphia atau kaligraphos. Perkataan ini merupakan gabungan dua perkataan “kallos” yang bermaksud indah dan “grapho” pula bermaksud tulisan (Girling, 1978). Menurut Laily Fitriani (2012), berdasarkan gabungan dua perkataan ini, kaligrafi setentunya

mempunyai dua unsur utama iaitu tulisan (aksara) dan juga unsur keindahan (nilai estetik). Menurut Kamus Dewan (1989) dalam Makmur dan Buchari (2015), kaligrafi didefinisikan sebagai “seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni; khat”. Selain itu, ia juga disebut sebagai Fann al-khat yang membawa maksud memperhalus tulisan atau memperbaiki coretan (Ilham Khoiri, 1999).

Abd Rahman (2011) pula menjelaskan bahawa khat mengikut pengertian bahasa Arab bermaksud tulisan, lakaran atau baris. Khat juga bermaksud gambar perkataan dengan melukiskan huruf-huruf yang mengambil kira mula dan akhirnya. Ringkasnya khat itu ibarat roh di dalam tubuh seperti yang dikatakan oleh sebahagian ulama. Ternyata membaca dan menulis adalah perintah pertama dan wahyu permulaan Allah Subhanahu Wa Ta’ala yang disampaikan kepada Nabi Muhammad Sallahu Alahi Wasallam.

Justeru itu, menurut Ridzuan (2017), seni khat adalah salah satu daripada kesenian Islam yang halus dan indah. Ia merupakan ilmu dan khazanah Allah Subhanahu Wa Ta’ala yang diajar kepada manusia melalui tulisan bersumberkan al-Qur’an. Keindahannya diabadikan pada bangunan, seramik, kaca, ukiran kayu, ukiran logam dan lain-lain bahan. Seni khat juga merupakan satu bidang yang paling tinggi pencapaiannya dalam kesenian Islam, sejak turunnya wahyu yang pertama kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallahu Alahi Wasallam dan kepentingan seni khat mula kelihatan.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam iaitu sebuah negara yang kaya dengan sejarah dan budaya Islam. Perkembangan seni kaligrafi Islam dapat dilihat di masjid-masjid yang terdapat di negara ini. Ini bermakna masjid-masjid di negara ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai institusi yang berperanan dalam penyebaran dakwah Islam. Terdapat lebih kurang 14 buah masjid yang dikategorikan sebagai masjid-masjid Utama yang terletak di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam. Daripada 14 buah masjid-masjid utama tersebut, terdapat dua di antaranya boleh dikategorikan sebagai Masjid Ikon iaitu Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien dan Masjid Jame’ ‘Asr Hassanil Bolkoh.

Dikenali sebagai masjid ikon kerana kedua-dua masjid ini sering dikaitkan dan digunakan sebagai lambang identiti bagi Negara Brunei Darussalam yang terkenal dengan Negara Zikir Melayu Islam Beraja. Apa yang pasti, masjid ikon ini setentunya dihiasai dengan seni kaligrafi yang bukan hanya indah dipandang mata namun terselit juga peranannya dalam penyebaran Syiar Islam. Maka dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya berfokuskan kepada sebuah masjid sahaja iaitu Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah.

### **Pernyataan Masalah**

Secara umumnya kaligrafi Islam yang terdapat di masjid-masjid utama di Negara Brunei Darussalam merupakan elemen yang sangat penting dalam menghasilkan keindahan seni bina Islam itu sendiri, namun tidak dapat dinafikan ianya juga menjadi penyumbang penting dalam memastikan syiar Islam dapat disampaikan dengan cara yang lebih halus dan perkara ini setentunya memerlukan kepada pembuktian hasil daripada kajian penyelidikan. Dalam masa yang sama, kajian yang mendalam mengenai makna, fungsi, dan estetika kaligrafi ini juga masih terbatas.

Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengisi jurang dalam literatur yang sedia ada dengan memberikan analisis yang mendalam tentang penghasilan seni kaligrafi Islam yang terdapat di masjid Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah iaitu bukan hanya tertumpu dari segi jenis khat yang digunakan, malah juga membawa kepada penghuraian makna ayat-ayat Al Quran atau doa yang terdapat di masjid tersebut serta peranannya dalam penyebaran syiar Islam.

## **Objektif Kajian**

Berdasarkan daripada pernyataan masalah kajian ini, tiga (3) objektif utama kajian telah dibina iaitu:

1. Meneliti ciri-ciri estetika binaan yang terdapat di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.
2. Mengkaji fungsi kaligrafi Islam dalam konteks seni bina Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.
3. Menganalisis makna spiritual yang terkandung dalam kaligrafi Islam di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

## **Kaedah Penyelidikan**

Merujuk kepada objektif kajian yang telah ditetapkan, kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah berikut:

### **1. Kajian Literatur:**

Mengumpulkan dan menganalisis kajian-kajian terdahulu tentang kaligrafi Islam dan seni bina masjid di Negara Brunei Darussalam.

### **2. Temu bual:**

Temu bual akan dijalankan dengan pegawai masjid, imam masjid, dan pihak yang terlibat dalam pembangunan dan penyelenggaraan masjid.

### **3. Pemerhatian:**

Pemerhatian langsung dilakukan di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah untuk mengkaji secara terperinci kaligrafi yang terdapat di dalam dan luar masjid.

### **4. Analisis Dokumen:**

Mengkaji dokumen-dokumen berkaitan seperti pelan reka bentuk masjid, catatan sejarah, dan rekod pemuliharaan kaligrafi.

## **Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah sebagai Masjid Ikon Negara**

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang terletak di Kampong Kiarong berdiri megah sebagai sebuah masjid yang terbesar di Negara Brunei Darussalam. Masjid ini adalah wakaf peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukan jumlah perbelanjaan pembinaannya secara keseluruhan bernilai lebih kurang 350 juta dollar Amerika. Pembinaan masjid ini juga menjadi salah satu lambang sejarah yang termasyhur di rantau ini. Masjid ini mula dibina pada tahun 1988 dan mula digunakan pada 6 Safar 1415H bersamaan 14 Julai 1994 sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-48 tahun.

Apa yang menarik berkaitan masjid ini, baginda Sultan berhasrat dengan terbina masjid ini, ianya akan menjadi lambang syi'ar Islam yang termasyhur di Negara Brunei Darussalam. Maka terhasilah reka bentuk dengan struktur yang indah dan gemilang serta perhiasan dalaman yang berseni, melambangkan perhatian yang teliti dan cermat terhadap setiap ciri-ciri ciptaannya. Masjid ini didirikan di atas tanah dengan keluasan 20 ekar dan dihiasi dengan pagar yang diukir indah sepanjang 1,082 meter. Mengambil kira tingginya keinginan yang mendalam di hati baginda Sultan untuk membangun sebuah masjid yang mempesonakan, maka dibinalah taman dan air pancutan yang direka begitu unik yang setentunya mengundang kehadiran para pengunjung dari seantero negara dan menjadikannya tempat lawatan yang tidak luput dari ingatan bagi setiap pelawat yang mengunjungi masjid ini.

## **Penyebaran Syiar Islam Menerusi Kaligrafi Islam Yang Terdapat Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah**

Berdasarkan penyelidikan kualitatif yang telah dilakukan iaitu menerusi pemerhatian, temu bual dengan penguasa masjid dan analisis beberapa dokumen-dokumen berkaitan bagi menjawab tiga objektif kajian yang telah ditetapkan, hasilnya adalah seperti berikut:

### **Ciri-ciri Estetika Binaan Yang Terdapat Di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.**

Berdasarkan daripada analisis dokumen dan temu bual bersama informan iaitu Pemangku Penguasa Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang telah dijalankan pada 3 Oktober 2024, beberapa keunikan dan ciri-ciri khas masjid telah pun dijelaskan, iaitu:

1. Terdapat 29 buah kubah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di mana jumlah tersebut melambangkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien merupakan Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 29 memerintah negara. Dua buah kubah utama dibina di atas dewan sembahyang jema'ah lelaki dan dewan sembahyang jema'ah perempuan.
2. Terdapat empat buah menara dibina di sekitar masjid yang dihiasi dengan mozek berwarna putih dan biru. Setiap satu berukuran 189 kaki tinggi dan puncaknya berukuran 5 kaki tinggi. Setiap menara mempunyai 297 anak tangga.
3. Kubah besar yang tersergam indah yang terletak di tengah- tengah dewan sembahyang ini dikelilingi dengan 48 buah jendela sebagai lambang usia baginda yang ke 48 tahun pada hari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah mula digunakan.
4. Sejadah atau tikar sembahyang yang terdapat di dewan sembahyang ini diperbuat daripada bahan bulu kambing biri-biri dari New Zealand, kemudian disulam di Thailand.

5. Tangga ditengah-tengah masjid mempunyai 29 anak tangga yang juga dikaitkan melambangkan 29 kesultanan yang telah memerintah negara ini.
6. Ruang legar aras bawah masjid terdapat sebuah kolam yang mempunyai lima pancuran air yang melambangkan rukun Islam yang lima dan sembahyang lima waktu yang wajib dikerjakan.
7. Di atas tangga ini dihias dengan kubah yang diperbuat dari kaca berwarna-warni dihiasi dengan kaligrafi ayat al Quran dan Ayer Muleh.
8. Terdapat tujuh pintu masuk utama ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dimana dua daripadanya adalah bagi Kerabat Di Raja dan lima bagi orang ramai. Setiap pintu masuk dihiasi dengan ukiran bunga yang menambahkan suasana waktu malam.
9. Terdapat dua pintu pagar utama yang merupakan laluan kerabat diraja dan pembesar-pembesar negara yang dihiasi dengan sebuah taman dan pancuran air.
10. Tiang-tiang pagar yang diukir khas dengan tujuh bintang yang bersaluran emas 24 karat.

Kesimpulannya, ciri-ciri estitika masjid ini bukan hanya mengambil kira hasrat baginda Sultan untuk membina masjid waqaf peribadi baginda, namun ianya juga dijadikan lambang syi'ar Islam yang termasyhur di Negara Brunei Darussalam. Lakaran dan reka bentuk masjid ini direka oleh arkitek-arkitek tempatan sendiri tanpa melibatkan arkitek luar negara. Oleh itu, rekaan masjid ini bukan sahaja mengambil kira beberapa perkara yang dikaitkan dengan pemerintahan baginda Sultan, bahkan juga berdasarkan kebudayaan Melayu Brunei yang terkenal dengan ciri-ciri keIslamannya. Maka terhasilah reka bentuk dengan struktur yang indah dan gemilang serta perhiasan dalaman yang berseni, melambangkan perhatian yang teliti dan cermat terhadap setiap ciri-ciri ciptaannya.


### **Fungsi kaligrafi Islam Dalam Konteks Seni Bina Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.**

Menerusi pemerhatian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati kaligrafi Islam yang terdapat di masjid ini telah digunakan bagi perkara berikut:




1. Menimbulkan ciri khas seni bina Islam yang tentunya dilengkapi dengan potongan ayat-ayat al Quran yang ditulis dengan tulisan khat yang indah.
2. Kaligrafi Islam ditulis pada tiga kubah utama masjid ini.
3. Selain itu kaligrafi Islam juga dijadikan sebagai penyeri mihrab yang terdapat pada masjid ini.
4. Dijadikan tulisan utama pada papan tanda perasmian masjid.
5. Nama masjid dan papan-papan tanda penunjuk arah dan tempat juga ditulis dengan kaligrafi Islam iaitu menggunakan tulisan khat Nasakh.


Berikut adalah gambar-gambar kaligrafi Islam yang terdapat di masjid ini:




Ruangan Mihrab Dan Hadapan Masjid



Kubah Besar Ruang Solat Jemaah Lelaki




Kaligrafi Islam Di Atas Pintu-Pintu Masuk Masjid




Pintu Masuk Utama



Papan Tanda Perasmian Masjid



Kubah Di Atas Tangga Tengah




Pintu Masuk Kerabat Di Raja



Panji-panji Baginda Sultan dan Tulisan Jawi Nama Masjid




Bilik Rehat Kerabat Diraja



Kalimah Allah Dalam Tulisan Khat Kufi



Ayat Al Quran Dengan Khat Thuluth Di Luar Bangunan Masjid



Doa-doa dan Papan Tanda Di Tulis Dengan Tulisan Jawi

## **Makna Spiritual Yang Terkandung Dalam Kaligrafi Islam di Masjid Jame' 'Asr Hassanih Bolkih.**

Menerusi penelitian yang telah dijalankan penyelidik mendapati banyak ayat-ayat al Quran yang ditulis dengan seni kaligrafi Islam yang boleh dilihat bukan sahaja di dalam masjid bahkan juga di luar bangunan masjid. Penempatan ayat-ayat Al Quran tersebut di susun atur mengikut kesesuaian makna yang terkandung di dalamnya. Tempat-tempat yang ditulis dengan ayat-ayat Al Quran adalah seperti berikut:

1. Tiga kubah utama masjid
2. Mihrab masjid
3. Dinding ruangan solat masjid
4. Dinding luar masjid

Dalam kajian ini, penyelidik hanya akan menghuraikan ayat-ayat al Quran yang tertulis di ketiga-tiga kubah besar yang terdapat di masjid ini dan menyenaraikan ayat-ayat al Quran yang terdapat di dalam serta di luar bangunan masjid.

### **1. Ayat Al Quran Pada Kubah Masjid**

Masjid ini mempunyai tiga kubah besar iaitu kubah besar ruangan solat jemaah lelaki, kubah besar ruangan solat perempuan dan kubah besar di atas tangga hadapan masjid. Setelah diteliti, berikut adalah ayat-ayat al Quran yang ditulis pada ketiga-tiga kubah tersebut.

#### **Kubah Besar Ruangan Jemaah Lelaki**

Kubah ini ditulis dengan surah Yasin bermula dari ayat 1 hingga 11. Jenis tulisan yang digunakan ialah tulisan Khat Thuluth. Penghuraian terjemahan surah Yasin ayat 1 hingga 11 adalah seperti berikut:

يَسَ ١ وَالْقُرْءَانَ الْحَكِيمَ ٢ إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ٣ عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ٤ تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ ٥  
 لِنُنذِرَ قَوْمًا مَّا أُنذِرُوا بِأَبَائِهِمْ فَهُمْ غٰفِلُونَ ٦ لَقَدْ حَقَّ الْقَوْلُ عَلٰى أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ٧ إِنَّا جَعَلْنَا  
 فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلًا فَبِئْسَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُّقْمَحُونَ ٨ وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا  
 فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ٩ وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ١٠ إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ  
 اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَخَشِيَ الرَّحْمَنَ بِالْغَيْبِ فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ ١١

### Terjemahannya:

1. Ya Sin. 2. Demi Al Quran yang penuh dengan hikmah, 3. Sesungguhnya engkau (wahai Nabi Muhammad) ialah seorang daripada rasul-rasul yang diutus, 4. Yang tetap berada di atas jalan yang lurus. 5. Al Quran itu diturunkan oleh Allah Yang Maha Perkasa, lagi Maha Pengasih, 6. Supaya engkau memberi peringatan kepada kaum yang bapa-bapa (dan datuk nenek) mereka telah lama tidak diberi peringatan, sebab itulah mereka lalai. 7. Demi sesungguhnya telah tetap hukuman seksa atas kebanyakan mereka kerana mereka tidak (mahu) beriman. 8. Sesungguhnya Kami telah memasang belunggu-belengu di leher mereka sehingga menungkat dagu mereka lalu mereka terdongak (tidak dapat menundukkan kepala). 9. Dan Kami menjadikan sekatan di hadapan mereka dan di belakang mereka lalu Kami menutup pandangan mereka sehingga mereka tidak dapat melihat. 10. Dan (sebab itu) sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau memberi peringatan kepada mereka atau pun tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak (mahu) beriman. 11. Sesungguhnya peringatan (yang berfaedah) hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang mengikut (ajaran) Al Quran serta takut kepada Allah Yang Maha Pemurah sekalipun dia tidak melihatNya. Oleh itu sampaikanlah berita gembira kepadanya iaitu keampunan dan pahala yang mulia (syurga).



### **Huraian ayat secara umum:**

Dalam Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya menjelaskan bahawa surah ini dinamakan Yasin kerana dimulai dengan huruf tersebut seperti juga huruf-huruf abjad lain yang terletak pada permulaan beberapa surah al Quran. Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengisyaratkan bahawa sesudah huruf tersebut akan dikemukakan beberapa perkara penting, antaranya Allah Subhanahu Wa Ta'ala bersumpah dengan al Quran bahawa Nabi Muhammad Sallahu Alahi Wasallam itu benar-benar seorang rasul yang diutus kepada kaum yang telah lama tidak diberi peringatan.

Dalam surah ini Allah Subhanahu Wa Ta'ala menggambarkan keadaan orang-orang yang degil dan tidak mahu beriman. Kesombongan dan kedegilan mereka telah menghalang mereka daripada tunduk mematuhi kebenaran dan melihat jalan yang benar.. Oleh itu, apa pun peringatan yang disampaikan kepada mereka tidak sedikit pun berbekas di hati mereka. Berlainan pula keadaannya dengan orang-orang yang bertaqwa dan takut kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, apabila peringatan disampaikan kepada mereka, mereka terus mempercayainya tanpa banyak soal.



Kubah Besar Ruangan Solat Jemaah Lelaki

## Kubah Besar Ruangan Jemaah Perempuan

Kubah ini ditulis dengan surah al Mulq bermula dari ayat 1 hingga 4. Jenis tulisan yang digunakan juga menggunakan tulisan Khat Thuluth. Penghuraian terjemahan surah al Mulq ayat 1 hingga 4 adalah seperti berikut:

تَبْرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۱ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ  
عَمَلًا ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ۝ ۲ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ۚ مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَوتٍ ۗ  
فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ ۝ ۳ ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ۙ


### Terjemahannya:

1. Maha Suci Allah yang memegang kuasa pemerintahan (langit dan bumi). Dan Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. 2. Dia yang menciptakan mati dan hidup untuk menguji siapakah antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun. 3. Dia yang menciptakan tujuh petala langit yang berlapis-lapis, engkau tidak akan melihat pada ciptaan Allah yang Maha Pemurah itu suatu keadaan yang tidak seimbang. (Jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan (mu ke langit), adakah engkau melihat suatu kecacatan? 4. Kemudian ulangilah pandangan (mu ke langit) berkali-kali, nescaya pandangan (mu) itu akan membawa kehampaan kepadamu (kerana tidak mendapati suatu kecacatan), dan pandanganmu itu menjadi lemah lesu.

### **Huraian ayat secara umum:**

Berdasarkan penghuraian melalui Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, surah ini dinamakan al-Mulk (Kuasa Pemerintahan) kerana ia dimulai dengan ungkapan memuliakan dan mengagungkan kebesaran dan kekuasaan mutlak Allah Subhanahu Wa Ta'ala di dunia dan di akhirat. Surah ini dinamakan juga al-Waqiah yang bermaksud pelindung, al-Munjiyah yang bermaksud penyelamat kerana ia boleh melindungi dan menyelamatkan seseorang daripada azab kubur serta memberi syafa'at kepada orang yang mengamalkannya, al-Mani'ah yang bermaksud yang menahan azab dan seksa dan al-Mujadilah yang bermaksud membela atau mempertahankan orang yang membacanya pada hari Kiamat.

Surah ini dimulai dengan ungkapan puji-pujian terhadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang menguasai pemerintahan dunia dan akhirat. Dialah yang mengendalikan segala yang wujud dalam konteks menghidup dan mematikan, memulia dan menghina serta memberi kekayaan dan kemiskinan. Kekuasaan Allah itu ditegaskan dengan dalil bahawa Dia menjadikan tujuh petala langit tanpa sebarang kecacatan dan menghiasinya dengan bintang-bintang gemerlapan. Semua itu untuk menunjukkan bahawa sistem yang mengendalikan alam ini ialah sistem yang serba teratur dan kemas.



Kubah Besar Ruangan Solat Jemaah Perempuan

## **Kubah Besar Di Atas Tangga Hadapan Masjid**

Kubah ini diperbuat dari kaca berwarna-warni yang dihiasi dengan kaligrafi ayat al Quran iaitu surah at Taubah Ayat 108 iaitu:


لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ ۚ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا ۗ وَاللَّهُ  
يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

### **Terjemahannya:**

108. Sesungguhnya masjid (Quba) yang dibina atas dasar taqwa sejak hari pertama (dibina) adalah lebih layak engkau mendirikan sembahyang di dalamnya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang ingin membersihkan diri mereka dan Allah mengasihi orang-orang yang suka membersihkan diri.

### **Huraian ayat secara umum:**

Menurut tafsir Ibnu Kathir, ayat ini merupakan dalil yang menunjukkan bahwa sunat melakukan solat di masjid-masjid kuno yang sejak permulaannya dibangun untuk beribadah kepada Allah semata, tidak ada sekutu bagi-Nya. Disunatkan pula melakukan solat berjamaah dengan jamaah orang-orang soleh dan ahli ibadah yang mengamalkan ilmunya, selalu memelihara dalam menyempurnakan wudu, dan membersihkan dirinya dari segala macam kotoran.



Kubah Besar Di Atas Tangga Hadapan Masjid

### Ayat-Ayat Al Quran Yang Terdapat Di Dalam Dan Di Luar Bangunan Masjid.

Bangunan masjid ini juga dihiasi dengan ayat-ayat al Quran yang ditulis dengan tulisan khat Thuluth. Ayat-ayat tersebut ada yang diukir pada jubin dinding dan ada juga yang digantung menggunakan bingkai gambar. Ayat-ayat al Quran tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Nama Surah	Ayat	Intisari Ayat
1	Al Baqarah	147-150	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kebenaran datang dari Allah</li> <li>○ Setiap umat ada kiblatnya</li> <li>○ Berlumba-lumba mengerjakan kebaikan</li> <li>○ Allah Maha Berkuasa</li> <li>○ Sentiasa mengerjakan solat</li> <li>○ Solat menghadap Masjid Al Haram (Kaabah)</li> <li>○ Hanya takut kepada Allah semata-mata</li> <li>○ Allah penyempurna nikmat dan memberi petunjuk hidayah</li> </ul>

2	Al Baqarah	286	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Allah tidak memberati hambanya</li> <li>○ Hambanya mendapat pahala kebaikan mengikut apa yang diusahakannya.</li> <li>○ Hambanya juga mendapat dosa mengikut kejahatan yang dilakukannya.</li> <li>○ Doa agar Allah tidak mengira kesalahan hamba-hambaNya.</li> <li>○ Doa agar tidak dibebani dengan bebanan yang tidak mampu dipikul oleh hambaNya.</li> <li>○ Doa mohon ampun bagi segala kesalahan.</li> <li>○ Doa agar mencapai kemenangan terhadap kaum kafir</li> </ul>
3	'Ali Imran	37-39	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Nazar Siti Maryam diterima Allah.</li> <li>○ Kisah Nabi Zakaria dengan Siti Maryam.</li> <li>○ Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya.</li> <li>○ Doa Nabi Zakaria untuk dianugerahkan zuriat.</li> <li>○ Allah kabulkan doa Nabi Zakaria dan menganugerahkan seorang putera bernama Yahya iaitu seorang Nabi dari golongan orang yang soleh.</li> </ul>
4	An Nisa	103	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Hendaklah menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring.</li> <li>○ Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.</li> </ul>
5	At Taubah	18-22	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kelebihan memakmurkan masjid.</li> <li>○ Beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah.</li> <li>○ Mereka digembirakan oleh Tuhan mereka dengan pemberian rahmat daripadanya dan keredaan serta Syurga</li> <li>○ Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.</li> <li>○ Allah, menyediakan di sisiNya pahala yang besar.</li> </ul>
6	Al Hijr	46	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Masuklah kamu ke dalamnya dengan selamat sejahtera serta beroleh aman.</li> </ul>
7	Al Ankabut	45	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bacalah Al-Quran</li> <li>○ Dirikanlah solat (dengan tekun);</li> <li>○ sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan</li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>○ sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar.</li> <li>○ Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.</li> </ul>
8	Fatir	29	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan solat serta dermawan tidak akan mengalami kerugian.</li> </ul>
9	Al Fath	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata.</li> </ul>
10	Ad Duha	11	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bersyukur dengan atas nikmat Allah.</li> </ul>
11	Al Ikhlas	1-4	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Allah itu satu</li> </ul>
12	Al Falaq	1-5	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Allah tempat berlindung daripada bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan dan kejahatan orang yang dengki.</li> </ul>
13	An Nas	1-6	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Allah tempat berlindung sekalian manusia.</li> <li>○ Allah sahajalah yang layak disembah.</li> <li>○ Berlindung daripada kejahatan penghasut dari kalangan jin dan manusia".</li> </ul>

## Kesimpulan

Sejarah awal pembinaan masjid di Brunei Darussalam menunjukkan betapa pentingnya masjid dalam menyokong kehidupan beragama dan sosial masyarakat Brunei. Seiring dengan peranan masjid tersebut, hiasan seni kaligrafi Islam yang terdapat dibangunan masjid juga memainkan peranan penting dalam penyebaran syiar Islam yang halus. Melalui keindahan dan kehalusannya, kaligrafi bukan sahaja menjadi alat untuk menyampaikan mesej Islam tetapi juga sebagai medium untuk mengukuhkan identiti dan budaya Islam di seluruh dunia. Perkara ini dapat dilihat menerusi terbinanya Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Berdasarkan penyelidikan ini, Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah yang merupakan salah sebuah masjid ikon negara sangat berperanan dalam penyebaran syiar Islam. Salah satu usaha yang halus dalam penyebaran tersebut adalah menerusi paparan kaligrafi Islam yang sangat indah yang terdapat di dalam dan di luar bangunan masjid berkenaan iaitu menerusi pemilihan ayat-ayat al Quran yang sesuai mengikut tempat dan mudah difahami oleh pembacanya.

## Rujukan:

Al Quran Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya. Pusat Da'wah Islamiah.

Abd Rahman Hamzah. (2011). *Islamic inscription in mosques: the forms and meanings*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

Ahmad Ghazali Syafi'i, Masbukin Masbukin. (2021). KALIGRAFI DAN PERADABAN ISLAM Sejarah dan Pengaruhnya bagi Kebudayaan Islam di Nusantara. *Nusantara; Journal for Southeast Asian Islamic Studies*. Vol 17, No 2 (2021).

Ridzuan Hussin, Asmahan Mokhtar, Abdul Razak Abdul Jabbar. (2017). Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual. *Jurnal Seni dan Pendidikan*, ISSN 2289-4640/ eISSN 0127-9688/ Vol. 5 (2017) / (1-13).

Saskia Soraya. (2012). Nilai dan Makna Kaligrafi Arab pada Masjid Al-Atiq (Analisis Estetik). *Student e-Journals*, Vol 1, No 1 (2012).

Saini Ag. Damit, Bambang Muhammad, Noorafini Kassim, Nor Ain. (2021). Enis-Jenis Seni Kaligrafi Arab Sebagai Hiasan Di Masjid-Masjid Daerah Di Sabah. *Jurnal Gendang Alam*. Vol. 11 No. 2 (2021): Gendang Alam, Jilid 11 (2), 2021.

\_\_\_\_\_. *Ta'mir Jame' 'Asr Hassanil Bolkih*. Bandar Seri Begawan.

<https://www.mora.gov.bn/SenaraiMasjid/Forms/DispForm.aspx?ID=16&Source=/SenaraiMasjid/Forms/ViewAll.aspx>